

**KEBERKESANAN PINJAMAN**  
**TABUNG MODAL PUSINGAN (TMP-JPK) TERHADAP KOPERASI KREDIT**

**ROZIAH MOHAMED**  
**NORBIHA KOSMURI**  
**NORSYEIRAWANI SHARI**  
**AFIZAH ABD. JALAL**  
**RINA FAIRUZ JAHYA**

**DISEMBER 2015**

**RINGKASAN EKSEKUTIF**

Tabung Modal Pusingan (TMP-JPK) adalah satu kemudahan pinjaman yang disediakan dan dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Koperasi (JPK) yang kini dikenali dengan nama Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sejak 1978. Objektif TMP-JPK adalah untuk memberi kemudahan pinjaman atau pembiayaan kewangan kepada koperasi yang memerlukan bagi melaksanakan atau meneruskan projek-projek yang berdaya maju. Ia juga adalah untuk menggalakkan koperasi melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan ekonomi dan sosial yang memberi manfaat kepada anggota serta membantu koperasi memulihkan projek yang bermasalah.

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai keberkesanan pinjaman TMP-JPK yang telah diberikan kepada koperasi kredit khususnya. Data kajian didapati dari dua sumber, iaitu, hasil temubual bersama Pengarah Bahagian Pembiayaan Kredit, SKM dan data temubual dengan Anggota Lembaga Koperasi (ALK) serta Pengurusan Koperasi dengan menggunakan borang soal selidik. Kajian ini mempunyai empat objektif iaitu mengkaji latar belakang koperasi kredit yang memperoleh pinjaman TMP-JPK dari SKM, mengetahui profil pinjaman TMP-JPK oleh koperasi, mengenal pasti penggunaan pinjaman TMP-JPK yang diberikan kepada koperasi kredit dan menilai keberkesanan pinjaman TMP-JPK kepada koperasi kredit.

Kajian ini melibatkan sebanyak 55 buah koperasi kredit sebagai responden daripada 71 koperasi yang dikenal pasti di seluruh Malaysia. Kajian sampel atau bancian telah digunakan dalam penyelidikan ini memandangkan jumlah sampel adalah kecil. Prestasi koperasi diukur berdasarkan kepada pendapatan, jumlah aset, bilangan anggota, modal yuran dan modal syer bagi tempoh 2011-2014. Keberkesanan pinjaman juga diukur daripada perspektif anggota berdasarkan dividen yang diberi, tempoh proses pinjaman, jumlah pinjaman yang diberi dan bilangan anggota yang meminjam.

Dapatkan kajian menunjukkan kebanyakan koperasi yang meminjam pinjaman TMP-JPK merupakan koperasi yang telah berpengalaman lebih 30 tahun mengendalikan koperasi kredit dan terdapat sebilangan kecil koperasi baru yang berusia kurang daripada 15 tahun. Impak positif dapat dilihat dengan adanya peningkatan dari segi bilangan anggota, pendapatan, aset dan modal yuran serta syer koperasi. Secara keseluruhan, pinjaman TMP-JPK yang diberikan kepada koperasi kredit bagi menjalankan aktiviti pinjaman berjaya meningkatkan kegiatan ekonomi dan prestasi koperasi serta sosial yang memberi manfaat kepada anggota.